

17/03/2004

Kedah bukan milik Pas berdasarkan perangkaan 1999

KEMENANGAN 14 kerusi Parlimen oleh Barisan Nasional (BN) seawal hari penamaan calon, ditambah penarikan diri calon Pas di Kota Tinggi, Johor; calon Keadilan di Batu Sapi dan calon bebas di Keningau, Sabah, menjadikan 17 kerusi sudah berada dalam tangan. Perkembangan ini tentunya memberikan semangat yang lebih kepada seluruh penyokong BN untuk menentukan gabungan itu dipilih semula dengan keputusan yang lebih cemerlang.

Jelas sekali bila dianalisis pertarungan antara BN dengan pelbagai parti pembangkang, BN kini berada dalam keadaan lebih baik daripada kedudukannya pada pilihan raya 1999. Ramai pemerhati berpendapat BN akan dengan mudah mempertahankan majoriti dua pertiga, malah ia akan merampas semula beberapa kerusi lagi daripada Keadilan, Pas dan DAP.

Selain ketiadaan isu besar yang boleh dipergunakan, ketidaksepakatan di antara parti pembangkang yang terang-terang bercakaran kerana merebut kawasan yang dianggap lebih selamat untuk bertanding, tentunya memberikan peluang terbaik kepada BN untuk meraih kejayaan lebih cemerlang kali ini.

Walaupun Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berangan-angan tinggi untuk menggantikan Umno mewakili Melayu dan menerajui kerajaan, tidak ada sebarang tanda yang boleh meyakinkan sesiapa impiannya itu akan tercapai. Perbandingan calon Umno dan Pas sendiri sudah menunjukkan betapa jauhnya perbezaan di antara kedua-dua parti itu.

Di sebalik langkah Pas meletakkan beberapa orang daripada golongan profesional dan bekas pegawai kanan kerajaan sebagai calon, ia tidak boleh lari daripada hakikat parti itu dikuasai golongan ulama yang amat konservatif dan 'dogmatic'.

Ramai pemerhati beranggapan barisan calon BN, khasnya Umno rata-ratanya kelihatan lebih berkaliiber dan berwibawa. Pas pada keseluruhannya masih mengetengahkan orang lama serta beberapa bekas pegawai tentera dan kerajaan yang dikatakan kecewa kerana berasakan diri mereka dipencilkan.

Umno khususnya kali ini berjaya mengetengahkan satu barisan calon yang bukan saja terdiri daripada pelbagai golongan profesional muda yang berpotensi tinggi, malah beberapa ulama serta cendekiawan agama yang tentunya boleh menangkis tuduhan Umno kononnya tidak mendokong Islam.

Berbeza dengan kempen beberapa pilihan raya lalu, laungan puak pembangkang untuk menafikan BN daripada mendapat majoriti dua pertiga tidak lagi kedengaran. Apakah mereka sejak awal lagi sudah menyerah terhadap kemungkinan BN dipilih kembali dengan majoriti yang lebih besar?

Dengan kedudukan BN yang begitu kukuh di Sarawak dan Sabah (hingga telah memenangi 13 kerusi Parlimen pada hari penamaan calon), BN boleh mengharapkan kebanyakan daripada 53 kerusi daripada kedua-dua negeri itu. Demikian juga ia boleh mengharapkan sejumlah besar kalau pun tidak semua 26 kerusi daripada Johor.

Mengikut congakan ini, BN hanya memerlukan 31 kerusi lagi untuk memenangi pilihan raya kali ini atau hanya sekitar 70 lagi kerusi daripada negeri lain untuk memenangi majoriti dua pertiga. (Berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya baru-baru ini, Parlimen kini mempunyai 219 kerusi. Ini bermakna sesebuah parti perlu menang 110 kerusi untuk menubuhkan kerajaan atau 146 kerusi untuk mendapat majoriti dua pertiga).

Dengan kedudukan BN sekarang yang begitu kuat dan mantap serta tidak mudah digugat, tumpuan ramai kini diberikan kepada perlawanan antara BN, khususnya Umno dan Pas untuk merebut tiga kerajaan negeri iaitu Kedah,

Kelantan dan Terengganu.

Di Kedah, Pas begitu beria-ia hendak merampas pemerintahan negeri jelapang padi itu daripada BN, manakala di Kelantan dan Terengganu BN, sedang cuba untuk merampas kembali tampuk pemerintahan daripada Pas.

Kita tidak perlu pergi jauh untuk meramalkan kedudukan di ketiga-tiga negeri itu. Penelitian terhadap corak pengundian pada 1999 lalu boleh memberikan gambaran yang baik untuk mengetahui corak pengundian di ketiga-tiga negeri berkenaan.

Di Kedah, Pas memenangi 12 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 1999. Pembangkang menguasai 13 kerusi apabila DUN dibubarkan dengan kemenangan Keadilan ketika Pilihan Raya Kecil Lunas pada 2000. Bagi pilihan raya kali ini, jumlah kerusi DUN adalah sama.

Mengikut perangkaan pengundian pada pilihan raya lalu, Pas memenangi lapan daripada 12 kerusi yang ia tandangi dengan majoriti kurang 10 peratus daripada jumlah undi yang dibuang bagi sesuatu kawasan. Malah, bagi kawasan Ayer Hitam, majoriti kemenangannya hanya 0.83 peratus atau 144 undi daripada sejumlah 22,153 undi yang dibuat. Hanya di Bukit Raya, Pas menang dengan majoriti lebih daripada 20 peratus iaitu 5,184 undi daripada 22,448 undi yang dibuang.

BN pula menunjukkan keputusan yang lebih mantap. Daripada 24 kerusi yang dimenangnya hanya tiga kawasan ia menang dengan majoriti rendah (kurang daripada 10 peratus), manakala selebihnya dimenangi dengan majoriti lebih 10 peratus, termasuk 11 kawasan mencatatkan kemenangan majoriti melebihi 20 peratus.

Malah di lima kawasan, majoriti diperoleh calon BN melebihi jumlah undi yang dipungut calon pembangkang. Ini termasuk dua kerusi iaitu Derga dan Kota Darulaman yang mana calon DAP ditewaskan dengan majoriti melebihi 40 peratus.

Kalau diteliti perangkaan ini, adalah sukar bagi Pas atau pembangkang hendak menguasai Kedah. Walaupun dalam suasana sentimen antikerajaan dan gerakan reformasi yang memainkan sentimen kebencian meluap-luap terhadap kerajaan dan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, mereka masih gagal menunjukkan prestasi baik.

Inikan pula dengan senario BN berada dalam keadaan yang lebih menyenangkan, ditambah imej Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai seorang yang amat mesra rakyat, pembangkang tentunya akan menghadapi keadaan yang lebih sukar. Dengan isu reformasi sudah luput dan Dr Mahathir sudah bersara, mereka kini ketandusan isu.

Kiranya jentera pilihan raya Umno berjalan lancar dan licin, BN pasti akan memperbaiki prestasinya. Malah, BN mempunyai kedudukan yang lebih cerah untuk merampas kembali beberapa kawasan yang dimenangi Pas ketika itu. Dan angan-angan menggugung Abdul Hadi akan tinggal impian saja.

Di Terengganu pula, dilihat daripada perkembangan semasa dan dengan senarai calon BN yang lebih meyakinkan berbanding barisan calon pada 1999, BN kini berada dalam keadaan lebih cerah untuk merampas kembali kerajaan negeri itu.

Dilihat daripada arah aliran pengundian pada pemilihan lalu, BN mempunyai harapan cerah untuk menebus kembali kekalahannya itu jika ia dapat mengalihkan hanya 10 peratus saja daripada pengundi di kawasan marginal. Undian mereka yang berada di atas pagar amat penting kerana mereka boleh menentukan sama ada Pas terus memerintah Terengganu atau BN kembali untuk menerajui kerajaan negeri.

Pada pilihan raya lalu, Pas memenangi hanya empat kerusi dengan majoriti lebih daripada 30 peratus dengan kawasan Wakaf Mempelam dimenangnya dengan majoriti 46 peratus. Majoriti 5,760 undi yang diterima Mohamad Abdul Wahid Endut di kawasan itu melebihi jumlah 3,221 undi yang diperoleh calon Umno, Muhammad Ngah.

Keseluruhannya, Pas memperoleh 28 daripada 32 kerusi DUN dengan empat dimenangi Umno. Di antara kawasan yang dimenangi Pas, 10 diperolehi dengan majoriti kurang 10 peratus, manakala empat lagi dengan majoriti antara 12 hingga 17 peratus daripada jumlah undi yang dibuang.

Mengikut perkiraan itu, Umno mempunyai harapan baik di 18 kawasan termasuk empat yang dikuasainya untuk membolehkan ia meraih majoriti di DUN dan dengan itu dapat menubuhkan kerajaan di Terengganu.

Tetapi, kedudukannya di Kelantan agak lebih sukar bukan saja daripada perkiraan angka undian yang lalu, malah kedudukan Umno Kelantan sendiri yang masih belum dapat bergerak sebagai satu pasukan yang padu. Kelemahan lamanya masih belum dapat diatasi keseluruhannya, walaupun Ketua Perhubungannya, Datuk Mustapa Mohamad, telah berusaha sejak beberapa tahun lalu untuk memantapkan kedudukan Umno.

Pemerhati politik beranggapan agak sukar bagi BN untuk menggulingkan kerajaan Pas di bawah pimpinan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tetapi ia pasti boleh menambahkan jumlah kerusinya daripada dua yang dimenanginya pada 1999.

Di Kelantan, daripada sejumlah 43 kerusi DUN, Pas memenangi 41 kerusi dengan Umno memperoleh hanya dua kerusi di Paloh dan Galas, itupun dengan mengalahkan calon Keadilan. Kini jumlah kerusi ditambah kepada 45.

Perangkaan pengundian pada 1999 menunjukkan Pas memenangi tujuh kerusi dengan majoriti kurang daripada 10 peratus dan sembilan lagi dengan majoriti kurang daripada 20 peratus. Yang lainnya dimenangi dengan majoriti besar, iaitu 20 peratus ke atas, termasuk lima melebihi 40 peratus dan tiga melebihi 50 peratus.

Malah, di 10 buah kawasan majoriti yang diterima calonnya melebihi jumlah undi yang diperolehi calon BN.

Dilihat daripada perangkaan ini, agak sukar bagi Umno untuk menggulingkan Pas kerana walaupun BN berjaya mengalihkan 10 peratus daripada pengundi yang kebanyakannya pengundi di atas pagar, ia masih belum tentu boleh memenangi 23 kerusi untuk menubuhkan kerajaan.